

TERMS AND CONDITIONS FOR SME CAMPAIGN 2022
(Not Protected by PIDM)
TERMA DAN SYARAT BAGI KEMPEN SME CAMPAIGN 2022
(Tidak Dilindungi oleh PIDM)

Effective 1st April 2022 / Berkuat kuasa 1 April 2022

IMPORTANT NOTICE:

THIS IS AN INVESTMENT ACCOUNT PRODUCT THAT IS TIED TO THE PERFORMANCE OF THE UNDERLYING ASSETS, AND IS NOT A DEPOSIT PRODUCT.

CUSTOMERS ARE ADVISED TO READ AND UNDERSTAND THE TERMS AND CONDITIONS BEFORE AGREEING TO SUBSCRIBE FOR ANY PRODUCT OR SERVICE AND/OR PARTICIPATING IN ANY OF THE BANK'S CAMPAIGNS AND PROMOTIONS.

NOTIS PENTING:

INI ADALAH PRODUK AKAUN PELABURAN YANG TERIKAT KEPADA PRESTASI ASET DAN BUKAN PRODUK DEPOSIT.

PELANGGAN DINASIHATI UNTUK MEMBACA DAN MEMAHAMI TERMA DAN SYARAT SEBELUM BERSETUJU UNTUK MELANGGAN MANA-MANA PRODUK ATAU PERKHIDMATAN DAN/ATAU MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM MANA-MANA KEMPEN DAN PROMOSI BANK.

1.0 DEFINITION

For the purpose of these terms and conditions, the following words and expressions shall have the meanings assigned to them except where the context otherwise requires:-

- (a) "Bank Islam" means Bank Islam Malaysia Berhad (Company No.98127-X), company incorporated in Malaysia under the Companies Act 2016 and having its registered address at Level 32, Menara Bank Islam, 22 Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur.
- (b) "iGain SME" means iGain Investment Account product offered by Bank Islam based on the Shariah contract of Mudarabah.
- (c) "Campaign" means iGain SME Campaign 2022 where details are set out in these Terms and Conditions.
- (d) "SME" means Small and Medium Enterprise business which meets either one of the two specified criteria under Clause 3.1, namely Sales Turnover OR Full-Time Employees, whichever is lower.
- (e) "Fresh Funds" refer to funds which is not originated from any account(s) maintained with Bank Islam and shall not be more than 14 calendar days from the crediting date.
- (f) "Eligible Customer" means a new iGain SME customer who makes placement in iGain SME during the Campaign Period and satisfies the requirement of the

1.0 DEFINISI

Bagi maksud terma dan syarat ini, perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan hendaklah mempunyai erti yang diberikan kepadanya kecuali konteks memerlukan yang sebaliknya:-

- (a) "Bank Islam" bermakna Bank Islam Malaysia Berhad (Syarikat No.98127-X), syarikat yang diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 2016 dan mempunyai alamat berdaftar di Tingkat 32, Menara Bank Islam, 22 Jalan Perak, 50450 Kuala Lumpur.
- (b) "iGain SME" bermaksud produk Akaun Pelaburan iGain yang ditawarkan oleh Bank Islam berdasarkan kontrak Syariah Mudarabah.
- (c) "Kempen" bermaksud kempen "iGain SME Campaign 2022" yang mana butir-butir dinyatakan di dalam Terma-Terma dan Syarat-Syarat di sini.
- (d) "SME" bermaksud Perusahaan Kecil dan Sederhana yang memenuhi salah satu daripada dua kriteria di bawah Klausula 3.1 iaitu Perolehan Jualan ATAU bilangan Pekerja Sepenuh Masa, mana-mana yang lebih rendah.
- (e) "Dana Baharu" merujuk kepada dana yang bukan daripada mana-mana akaun di Bank Islam dan mestilah tidak melebihi 14 tarikh kalendar daripada tarikh pengkreditan.
- (f) "Pelanggan yang Layak" bermaksud Pelanggan baharu iGain SME yang telah membuat pelaburan di dalam iGain SME semasa Tempoh Kempen dan memenuhi

TERMS AND CONDITIONS FOR SME CAMPAIGN 2022
(Not Protected by PIDM)
TERMA DAN SYARAT BAGI KEMPEN SME CAMPAIGN 2022
(Tidak Dilindungi oleh PIDM)

Effective 1st April 2022 / Berkuat kuasa 1 April 2022

Campaign Mechanics to participate in the Campaign.

- (g) 'Manufacturing' refers to physical or chemical transformation of materials or components into new products.
- (h) 'Services' refer to all services including distributive trade, hotels and restaurants, business, professional and ICT services, private education and health, entertainment, financial, intermediation and manufacturing-related services such as research and development (R&D), logistics, warehouse, engineering etc.
- (i) 'Other Sectors' refer to the remaining 3 key economic activities namely:

a) Primary Agriculture

- Perennial crops (e.g. rubber, oil palm, cocoa, pepper etc.) and cash crops (e.g. vegetables, fruits etc.)
- Livestock
- Forestry & logging
- Marine fishing
- Aquaculture

b) Construction

- Infrastructure
- Residential & non-residential
- Special trade

c) Mining & Quarrying

- (j) "Sales Turnover" refers to total revenue including other incomes.
- (k) "Full-Time Employees" include all paid workers working for at least 6 hours a day and 20 days a month or at least 120 hours a month. Full-time workers also include foreign and contract workers. However, the definition excludes working proprietors, active business partners and unpaid family members or friends who are working in the business and do not receive regular wages.
- (l) "Profit Sharing Ratio (PSR)" means special PSR as specified in clause 4.3.
- (m) "Merchant Terminal" refers to a device that allows a merchant to accept credit, debit or mydebit cards transaction.
- (n) "SME Financing" refers to SME financing products or SME financing programmes offered by Bank Islam SME Banking Division.

Mekanisma Kempen untuk menyertai Kempen.

- (g) "Pembuatan" merujuk kepada transformasi bahan atau komponen fizikal atau kimia menjadi produk baharu.
- (h) "Perkhidmatan" merujuk kepada semua perkhidmatan termasuk perkhidmatan pengedaran, hotel dan restoran, perniagaan, profesional dan ICT, pendidikan dan kesihatan swasta, hiburan, kewangan, pengantaraan dan perkhidmatan berkaitan pembuatan seperti penyelidikan dan pembangunan (R&D), logistik, gudang, kejuruteraan dan lain-lain.
- (i) "Sektor Lain" merujuk kepada baki 3 aktiviti ekonomi utama iaitu:

a) Pertanian Primer

- Tanaman tuaian (contoh: getah, kelapa sawit, koko, lada dan lain-lain) dan tanaman kontan (contoh: sayur-sayuran, buah-buahan dan sebagainya)
- Ternakan
- Perhutanan & pembalakan
- Perikanan Marin
- Akuakultur

b) Pembinaan

- Infrastruktur
- Kediaman & bukan kediaman
- Perdagangan Khas

c) Perlombongan & Kuari

- (j) "Perolehan Jualan" merujuk kepada jumlah pendapatan termasuk pendapatan lain.
- (k) "Pekerja Sepenuh Masa" termasuk semua pekerja berbayar yang bekerja sekurang-kurangnya 6 jam sehari dan 20 hari sebulan atau sekurang-kurangnya 120 jam sebulan. Pekerja sepenuh masa juga termasuk pekerja asing dan kontrak. Walau bagaimanapun, definisi ini tidak termasuk pemilik yang bekerja, rakan kongsi perniagaan yang aktif dan ahli keluarga yang tidak dibayar atau rakan yang bekerja dalam perniagaan dan tidak menerima gaji tetap.
- (l) "Nisbah Perkongsian Keuntungan (NPK)" bermaksud NPK istimewa seperti di dalam klausa 4.3.
- (m) "Terminal Saudagar" merujuk kepada peranti yang membenarkan pihak peniaga untuk menerima transaksi kad kredit, debit atau mydebit.
- (n) "Pembiayaan SME" ialah merujuk kepada produk-produk atau pembiayaan SME program yang ditawarkan oleh Bahagian Perbankan SME, Bank Islam.

TERMS AND CONDITIONS FOR SME CAMPAIGN 2022
(Not Protected by PIDM)
TERMA DAN SYARAT BAGI KEMPEN SME CAMPAIGN 2022
(Tidak Dilindungi oleh PIDM)

Effective 1st April 2022 / Berkuat kuasa 1 April 2022

2.0 CAMPAIGN PERIOD

2.1 The Campaign will run from **1st April 2022 to 31st December 2022** (both dates are inclusive) (or upon reaching the campaign set target, whichever is earlier.) ("Campaign Period"). Bank Islam ("Bank Islam") reserves the right to change the duration and/or the commencement and/or expiry date of the Campaign Period with prior notice not less than fourteen (14) days.

3.0 ELIGIBILITY CRITERIA

3.1 SME from **Manufacturing Sectors or Services and Other Sectors** who fulfills the following criteria (whichever is lower) is entitled to participate in this Campaign:

- a) Yearly Sales Turnover, OR
- b) Number of Full-Time Employees

Manufacturing Sectors

Type Of Business	Sales Turnover	No. of Full Time Employees
Medium	From RM15 million to not exceeding RM50 million	From 75 to not exceeding 200
Small	From RM300,000 to less than RM15 million	From 5 to less than 75
Micro	Less than RM300,000	Less than 5

Services and Other Sectors

Type Of Business	Sales Turnover	No. of Full Time Employees
Medium	From RM3 million to not exceeding RM20 million	From 30 to not exceeding 75
Small	From RM300,000 to less than RM3 million	From 5 to less than 30
Micro	Less than RM300,000	Less than 5

Table 3.1

2.0 TEMPOH KEMPEN

2.1 Kempen ini akan berlangsung dari **1 April 2022 sehingga 31 Disember 2022** (termasuk kedua-dua tarikh) (atau apabila telah mencapai sasaran kempen, yang mana lebih awal) ("Tempoh Kempen"). Bank Islam ("Bank Islam") berhak untuk mengubah tempoh dan/atau tarikh permulaan dan/atau tarikh akhir Tempoh Kempen dengan notis tidak kurang dari empat belas (14) hari.

3.0 KRITERIA KELAYAKAN

3.1 SME daripada **Sektor Pembuatan atau Sektor Perkhidmatan dan Sektor Lain** yang memenuhi kriteria berikut (mana-mana yang lebih rendah) adalah layak untuk menyertai Kempen ini:

- a) Perolehan Jualan Tahunan; ATAU
- b) Bilangan Pekerja Sepenuh Masa

Sektor Pembuatan

Jenis Perniagaan	Perolehan Jualan	Bilangan Pekerja Sepenuh Masa
Sederhana	Daripada RM15 juta sehingga tidak melebihi RM50 juta.	Daripada 75 sehingga tidak melebihi 200
Kecil	Daripada RM300,000 sehingga kurang daripada RM15 juta	Daripada 5 sehingga kurang daripada 75
Mikro	Kurang daripada RM300,000	Kurang daripada 5

Sektor Perkhidmatan dan Sektor Lain

Jenis Perniagaan	Hasil Jualan	Bilangan Pekerja Sepenuh Masa
Sederhana	Daripada RM3 juta sehingga tidak melebihi RM20 juta	Daripada 30 sehingga tidak melebihi 75
Kecil	Daripada RM300,000 sehingga kurang daripada RM3 juta	Daripada 5 sehingga kurang daripada 30
Mikro	Kurang daripada RM300,000	Kurang daripada 5

Table 3.1

TERMS AND CONDITIONS FOR SME CAMPAIGN 2022
(Not Protected by PIDM)
TERMA DAN SYARAT BAGI KEMPEN SME CAMPAIGN 2022
(Tidak Dilindungi oleh PIDM)

Effective 1st April 2022 / Berkuat kuasa 1 April 2022

4.0 CAMPAIGN MECHANICS

4.1 Eligible Customer is required to open iGain SME account and make minimum initial placement of RM10,000 from Fresh Funds into iGain SME within the Campaign Period to enjoy higher Profit Sharing Ratio (PSR) and potentially enjoy a special indicative rate as per Table 4.3 (a) during Campaign Period. After the Campaign Period, normal PSR will apply. Eligible Customer may refer to Bank Islam website at <https://www.bankislam.com/deposit-financing-rates/> for the normal PSR for SME Customer

4.2 The placement made in this Campaign must be from Fresh Funds.

The source of Fresh Funds must be derived from the following channels:

- a) Cash or transfer from the following external sources:
 - Telegraphic Transfer (TT)
 - Interbank GIRO (IBG)
 - Instant transfer
 - RENTAS
 - FPX
 - DuitNow from other banks
 - SSPN
 - Tabung Haji
 - EPF
 - Gratuity funds (Wang persaraan)
 - Any other external sources
- b) House cheque from third party.
- c) Local cheque from other banks.
- d) Any new/additional placement including salary.

4.3 Eligible Customer has the potential to earn profit based on the indicative rate depending on the end-of-day balance range in iGain SME as table 4.3 (a) and upon fulfilling Campaign Mechanics. Profit will be calculated on a daily basis and will be credited into iGain SME on a monthly basis.

Balance Range (RM)	PSR (Bank: Customer)	Indicative Rate (% p.a)
2,000 - 49,999.99	77.34 : 22.66	0.75
50,000 – 199,999.99	66.77 : 33.23	1.10
200,000 and above	54.68 : 45.32	1.50

Note: Minimum balance of iGain SME is RM2,000 and PSR are subject to change from time to time.

Table 4.3 (a)

4.0 MEKANISME KEMPEN

4.1 Pelanggan yang Layak perlu membuka akaun iGain SME dan membuat pelaburan permulaan minimum sebanyak RM10,000 daripada Dana Baharu ke dalam iGain SME semasa Tempoh Kempen untuk menikmati Nisbah Perkongsian Keuntungan (NPK) yang lebih tinggi dan berpotensi menikmati kadar indikatif khas seperti di dalam Jadual 4.3 (a) semasa Tempoh Kempen. Selepas Tempoh Kempen, NPK biasa akan terpakai. Pelanggan yang Layak boleh merujuk ke laman sesawang Bank Islam di <https://www.bankislam.com/deposit-financing-rates/> untuk NPK biasa bagi Pelanggan SME.

4.2 Dana yang digunakan untuk menyertai Kempen ini mestilah daripada Dana Baharu.

Sumber Dana Baharu harus diperoleh daripada saluran berikut:

- a) Tunai atau pemindahan daripada sumber luaran berikut:
 - Pemindahan Telegraph (TT)
 - Interbank GIRO (IBG)
 - Pemindahan segera
 - RENTAS
 - FPX
 - DuitNow daripada bank lain
 - SSPN
 - Tabung Haji
 - KWSP
 - Dana ganjaran (Wang persaraan)
 - Sebarang sumber luar lain
- b) Cek cawangan ini daripada pihak ketiga.
- c) Cek tempatan daripada bank lain.
- d) Sebarang pelaburan baru/tambahan termasuk gaji.

4.3 Pelanggan yang Layak berpotensi untuk mendapat keuntungan berdasarkan Kadar Indikatif bergantung kepada lingkungan baki terakhir pada penghujung hari dalam iGain SME seperti dalam Jadual 4.3 (a) dan setelah memenuhi Mekanisme Kempen. Keuntungan akan dikira setiap hari dan akan dikreditkan dalam iGain SME setiap bulan.

Lingkungan Baki (RM)	NPK (Bank: Pelanggan)	Kadar Indikatif (% p.a)
2,000 – 49,999.99	77.34 : 22.66	0.75
50,000 – 199,999.99	66.77 : 33.23	1.10
200,000 dan ke atas	54.68 : 45.32	1.50

Note: Baki minimum iGain SME ialah RM2,000 dan NPK tertakluk pada perubahan dari semasa ke semasa.

Jadual 4.3 (a)

TERMS AND CONDITIONS FOR SME CAMPAIGN 2022
(Not Protected by PIDM)
TERMA DAN SYARAT BAGI KEMPEN SME CAMPAIGN 2022
(Tidak Dilindungi oleh PIDM)

Effective 1st April 2022 / Berkuat kuasa 1 April 2022

4.4 Method of profit calculation :

Illustration		
Date of Account Opened	:	01/04/2022
Date of Month End	:	30/04/2022
Number of Days in the Month	:	30 days
Daily Balance		
From 1/4/2022 to 2/4/2022	:	RM 45,000
From 3/4/2022 to 16/4/2022	:	RM 75,000
From 17/4/2022 to 30/4/2022	:	RM 210,000
Profit Sharing Ratio (PSR) and Rates		
Balance Range (RM)	PSR (Bank:Customer)	Indicative Rate (% p.a)
2,000 - 49,999.99	77.34 : 22.66	0.75
50,000 - 199,999.99	66.77 : 33.23	1.10
200,000 and above	54.68 : 45.32	1.50
Profit proceeds		
$(RM45,000.00 \times 0.75\% \times 2/365) + (RM75,000.00 \times 1.10\% \times 14/365) + (RM210,000.00 \times 1.50\% \times 15/365)$		
RM1.85 + RM31.64 + RM129.45 = RM162.95		

4.4 Cara pengiraan keuntungan:

Ilustrasi		
Tarikh Akaun Dibuka	:	01/04/2022
Tarikh Bulan Berakhir	:	30/04/2022
Bilangan Hari bagi Bulan Berakhir	:	30 days
Baki Harian		
From 1/4/2022 to 2/4/2022	:	RM 45,000
From 3/4/2022 to 16/4/2022	:	RM 75,000
From 17/4/2022 to 30/4/2022	:	RM 210,000
Nisbah Perkongsian Keuntungan (NPK) dan Kadar		
Baki (RM)	NPK (Bank: Pelanggan)	Kadar Indikatif (% p.a)
2,000 - 49,999.99	77.34 : 22.66	0.75
50,000 - 199,999.99	66.77 : 33.23	1.10
200,000 dan ke atas	54.68 : 45.32	1.50
Hasil Keuntungan		
$(RM45,000.00 \times 0.75\% \times 2/365) + (RM75,000.00 \times 1.10\% \times 14/365) + (RM210,000.00 \times 1.50\% \times 15/365)$		
RM1.85 + RM31.64 + RM129.45 = RM162.95		

4.5 Optional Privileges

First 100 Eligible Customers who fulfilled condition in clause 4.1 above may select either one (1) of the following privileges:

4.5.1 RM500 Cash Incentive

One-off RM500 cash incentive, will be given to Eligible Customers who are required to subscribe or purchase any accounting system available in the market during the Campaign Period. Eligible Customer is required to show proof of subscription or purchase of the accounting system to Bank Islam. The one-off RM 500 cash incentive will be credited into Eligible Customer's iGain SME account; or

4.5.2 One (1) year free rental of Merchant Terminal
 One-year free rental of Bank Islam Merchant Terminal.

4.5 Keistimewaan Pilihan

100 pelanggan pertama yang layak yang memenuhi syarat seperti di klausa 4.1 di atas, boleh memilih salah satu (1) daripada keistimewaan berikut:

4.5.1 Insentif Tunai RM500

Insentif tunai sekali-bayar sebanyak RM500 akan diberikan kepada Pelanggan yang Layak yang perlu melanggan atau membeli apa-apa sistem perakaunan yang tersedia di dalam pasaran semasa Tempoh Kempen. Pelanggan yang Layak perlu menunjukkan bukti langganan atau pembelian sistem perakaunan kepada Bank Islam. Insentif tunai sekali-bayar sebanyak RM500 akan dikreditkan ke akaun iGain SME Pelanggan yang Layak; atau

4.5.2 Sewaan Terminal Saudagar dari Bank Islam percuma selama setahun
 Penyewaan percuma Terminal Saudagar Bank Islam selama setahun.

TERMS AND CONDITIONS FOR SME CAMPAIGN 2022
(Not Protected by PIDM)
TERMA DAN SYARAT BAGI KEMPEN SME CAMPAIGN 2022
(Tidak Dilindungi oleh PIDM)

Effective 1st April 2022 / Berkuat kuasa 1 April 2022

4.6 Special Prize

Eligible Customers who fulfilled any of conditions below will receive special price or cashback as specified below:

4.6.1 Eligible Customer who fulfills the following conditions will receive special prize:

- i. Fulfilled condition in clause 4.1 above; and
- ii. Apply any SME Financing and accepted the SME Financing offer during the Campaign Period

5.0

Campaign Mechanics- Cashback RM500

5.1

Eligible Customer who fulfills the following conditions will be eligible to get Cashback Ringgit Malaysia Five Hundred (RM 500.00):

- i. Fulfilled condition in para 4.1 above; and
- ii. Apply Bank Islam Visa Infinite Business Credit Card-i and the card must be approved within Campaign Period; and
- iii. spend using Bank Islam Visa Infinite Business Credit Card-i with minimum accumulative Ringgit Malaysia Six Thousand and Five Hundred (RM 6,500)
- iv. The first transaction must be performed within one (1) month after card activated.

5.2

Each Eligible Customer is only entitled to receive one time Cashback of Ringgit Malaysia Five Hundred (RM 500.00) only for the Campaign.

5.3

The Cashback will be given to first 20 customers who spend minimum RM 6500 within period of 1 April 2022 until 31 March 2023.

5.4

Illustration of Eligible Customer's :-

Customer/Transaction/Activity	Eligibility Status
Company ABC Sdn Bhd Approved: 31 December 2022 Acceptance Letter Offer: 31 January 2023 Card Activated: 15 February 2023 The first transaction: 15 March 2023 By 31 March 2023 accumulative spending RM 7000.	Customer is eligible to get Cashback Ringgit Malaysia Five Hundred (RM 500.00) if customer is among first 20 customers who make minimum spending of RM 6500 i. The first transaction was performed within one (1) month after credit card is activated ii. Accumulated spending more than RM 6,500.

4.6

Hadiah Istimewa

Pelanggan yang Layak yang memenuhi mana-mana syarat di bawah akan menerima hadiah istimewa atau pulangan tunai seperti yang dinyatakan dibawah:

4.6.1 Pelanggan yang Layak yang memenuhi syarat-syarat berikut akan menerima Hadiah Istimewa:

- i. Memenuhi syarat di klause 4.1 diatas; dan
- ii. Memohon mana-mana Pembiayaan SME dan menerima tawaran Pembiayaan SME semasa Tempoh Kempen

5.0

Mekanik Kempen - Pulangan Tunai RM500

5.1

Pelanggan yang Layak yang memenuhi syarat-syarat berikut layak untuk mendapat Pulangan Tunai Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM 500.00):

- i. Memenuhi syarat di para 4.1 di atas; dan
- ii. memohon Bank Islam Visa Infinite Bisnes Kad Kredit-i dan mesti diluluskan dalam Tempoh Kempen.
- iii. Perlu berbelanja menggunakan Bank Islam Visa Infinite Bisnes kad kredit-i dengan belanja minimum terkumpul Ringgit Malaysia Enam Ribu Lima Ratus (RM 6,500).
- iv. Transaksi pertama perlu dilakukan dalam tempoh satu (1) bulan selepas kad kredit diaktifkan.

5.2

Setiap Pelanggan yang Layak hanya layak menerima Pulangan Tunai Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM 500.00) sekali sahaja bagi Kempen ini.

5.3

Pulangan Tunai akan diberikan kepada 20 pelanggan pertama yang berbelanja minimum sebanyak RM 6500 dalam tempoh 1 April 2022 hingga 31 March 2023.

5.4

Ilustrasi kelayakan Pelanggan Yang Layak:-

Transaksi / Pelanggan / Aktiviti	Status Kelayakan
Syarikat ABC Sdn Bhd Diluluskan: 31 Disember 2022 Penerimaan Surat Tawaran: 31 Januari 2023 Pengaktifan Kad Kredit: 15 Februari 2023 Transaksi pertama dilakukan: 15 Mac 2023. Sehingga 31 Mac 2023, perbelanjaan terkumpul adalah sebanyak RM 7000.	Pelanggan layak mendapat Pulangan Tunai Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM 500.00) sekiranya Pelanggan merupakan 20 pelanggan terawal yang berbelanja minimum RM 6500 i. Transaksi pertama dilakukan dalam tempoh satu (1) bulan selepas kad diaktifkan. ii. Perbelanjaan terkumpul melebihi RM 6,500

TERMS AND CONDITIONS FOR SME CAMPAIGN 2022
(Not Protected by PIDM)
TERMA DAN SYARAT BAGI KEMPEN SME CAMPAIGN 2022
(Tidak Dilindungi oleh PIDM)

Effective 1st April 2022 / Berkuat kuasa 1 April 2022

- | | |
|---|--|
| <p>5.5 The Cashback shall be credited into the Eligible Customer's Bank Islam Visa Infinite Business Card-i and reflected in the respective statement of account.</p> | <p>5.5 Pulangan Tunai akan dikreditkan kepada pelanggan Bank Islam Visa Infinite Bisnes Kad Kredit-i yang layak dan boleh dilihat di dalam penyata akaun.</p> |
| <p>5.6 Selection of Winners</p> <p>5.6.1 Any Terms and Conditions that are not complied with can lead to disqualification of Eligible Customer from this Campaign and other Eligible Customer will be selected as a winner.</p> <p>5.6.2. First top 20 customers who received the Cashback will be informed via phone call or SMS. In the event Eligible Customer did not receive the Cashback, Eligible Customer is required to promptly notify Bank Islam Malaysia Berhad by writing official letter no later than 31 August 2023. Bank Islam Malaysia Berhad shall not be liable for non-receipt of the Cashback if there is no notification of non-receipt by Eligible Customer.</p> | <p>5.6 Pemilihan Pemenang</p> <p>5.6.1. Sebarang Terma dan Syarat yang tidak dipatuhi boleh menyebabkan kehilangan kelayakan Pelanggan yang Layak daripada Kempen ini dan Pelanggan yang Layak lain akan dipilih sebagai pemenang.</p> <p>5.6.2. 20 Pelanggan pertama yang menerima pulangan tunai akan diberitahu melalui panggilan atau SMS. Sekiranya Pelanggan yang Layak tidak menerima Pulangan Tunai, Pelanggan yang Layak perlu memaklumkan Bank Islam Malaysia Berhad dengan menulis surat rasmi selewat-lewatnya pada 31 Ogos 2023. Bank Islam Malaysia Berhad tidak akan bertanggungjawab untuk tidak penerimaan Pulangan Tunai jika Pelanggan yang Layak tidak maklumkan kepada Bank Islam.</p> |
| <p>6.0 GENERAL TERMS</p> <p>6.1 Eligible Customers are advised to read and understand these Terms and Conditions before participating in any of the Bank's Campaign.</p> <p>6.2 To participate in the Campaign, Eligible Customers must fall within the Eligibility Criteria and fulfil the Campaign Mechanics. Unless stated otherwise by the Bank, Eligible Customers are not required to sign up or fill up any application form to participate in the said campaign.</p> <p>6.3 By participating in this Campaign, the Eligible Customers:</p> <p>(a) shall give consent for the Bank to disclose their personal data to the Bank's service provider to the extent necessary for the purpose of this Campaign;</p> <p>(b) shall agree for the Bank to publish or display their names or photos in media, marketing or the Bank's Website for the purpose of this Campaign (where applicable); and</p> <p>(c) shall agree to the Bank's decision on all matters relating to the Campaign, selection of winners and prizes shall be final, conclusive and binding on all Eligible Customers and no further correspondence and / or appeal to dispute the Bank's decision shall be entertained.</p> <p>6.4 The Bank accepts no responsibility for any tax responsibilities that may arise from the prizes or the use thereof. Any tax filing obligation or tax payment (if any) due to any tax authority as a result of receipt of the prizes</p> | <p>6.0 TERMA-TERMA AM</p> <p>6.1 Pelanggan yang Layak adalah dinasihati untuk membaca dan memahami Terma-terma dan Syarat-syarat sebelum mengambil bahagian di dalam mana-mana Kempen Bank.</p> <p>6.2 Untuk mengambil bahagian di dalam kempen kami, Pelanggan Yang Layak mestilah termasuk didalam Kriteria Kelayakan dan memenuhi Mekanisma Kempen. Melainkan dinyatakan sebaliknya oleh pihak Bank, Pelanggan yang Layak tidak perlu menandatangani atau melengkapkan apa-apa borang permohonan untuk mengambil bahagian di dalam Kempen tersebut.</p> <p>6.3 Dengan mengambil bahagian di dalam Kempen ini, Pelanggan Yang Layak:</p> <p>(a) akan membenarkan pihak Bank untuk mendedahkan maklumat peribadinya kepada penyedia perkhidmatan Bank setakat mana yang perlu untuk tujuan Kempen ini;</p> <p>(b) akan bersetuju untuk pihak Bank menerbitkan atau memaparkan nama-namanya atau gambar-gambarnya di dalam media pemasaran atau laman sesawang Bank untuk tujuan Kempen ini (dimana berkenaan); dan</p> <p>(c) akan bersetuju dengan keputusan pihak Bank terhadap semua perkara berkaitan dengan Kempen ini, pemilihan para pemenang dan hadiah-hadiah adalah muktamad, konklusif, dan mengikat ke atas semua Pelanggan yang Layak dan tiada surat menyurat selanjutnya dan / atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan pihak Bank akan dilayan.</p> <p>6.4 Pihak Bank dengan ini tidak bertanggungjawab bagi apa-apa tanggungjawab cukai yang mungkin timbul daripada hadiah-hadiah atau penggunaannya. Sekiranya terdapat apa-apa tanggungjawab pemfailan cukai atau bayaran cukai (sekiranya</p> |

TERMS AND CONDITIONS FOR SME CAMPAIGN 2022
(Not Protected by PIDM)
TERMA DAN SYARAT BAGI KEMPEN SME CAMPAIGN 2022
(Tidak Dilindungi oleh PIDM)

Effective 1st April 2022 / Berkuat kuasa 1 April 2022

- | | |
|--|---|
| <p>remains the sole responsibility of the winners. It is the responsibility of the winners to seek an independent tax advice on the possible tax responsibilities to their financial situations.</p> | <p>ada) kepada jabatan berkuasa yang berkenaan lanjutan daripada penerimaan hadiah-hadiah ianya tetap dibawah tanggungjawab para pemenang sepenuhnya. Adalah menjadi tanggungjawab para pemenang untuk mendapatkan nasihat bebas mengenai tanggungjawab cukai yang mungkin timbul terhadap kedudukan kewangan mereka.</p> |
| <p>6.5 The Campaign prizes do not include any other incidental expenses e.g. transportation whatsoever, unless expressly stated in these terms and conditions (if any).</p> | <p>6.5 Hadiah-hadiah di dalam Kempen ini tidak termasuk kos-kos lain seperti pengangkutan melainkan kos seperti yang dinyatakan di dalam terma dan syarat ini (jika ada).</p> |
| <p>6.6 The prize (where applicable) is not redeemable or exchangeable for any other items or cash. Winners must accept the prize 'as it is' and must acknowledge that the Bank shall not be held responsible in the value of the prize due to the variation of prices in the market during the prize redemption / collection by the winners at the time stipulated by the Bank.</p> | <p>6.6 Hadiah ini (dimana berkenaan) tidak boleh ditebus atau ditukarkan dengan hadiah lain atau wang tunai. Para pemenang hadiah mestilah menerima hadiah seperti sedia ada ("as it is") dan mengakui bahawa pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas nilai hadiah berikutan harga hadiah yang berbeza di pasaran ketika para pemenang menebus / memungut hadiah pada masa seperti yang ditetapkan oleh pihak Bank.</p> |
| <p>6.7 If the prize (where applicable) is not available for whatsoever reason, the Bank reserves the right to substitute the prize for any item of equivalent value upon the Bank issuing at least fourteen (14) days prior notice to all eligible customers. The mode of notifications could be in writing, via electronic means or displayed at the Bank's branches and / or websites.</p> | <p>6.7 Jika hadiah (dimana berkenaan) yang dimenangi tidak dapat diperolehi atas apa jua sebab, pihak Bank berhak menggantikan hadiah lain yang sama nilai dengan hadiah yang dimenangi dengan memberikan notis kepada pelanggan yang layak sekurang-kurangnya empat belas (14) hari. Kaedah pemberitahuan boleh dilakukan secara bertulis, melalui cara elektronik atau dipaparkan di cawangan-cawangan Bank mahupun di laman sesawang Bank.</p> |
| <p>6.8 Winners may be invited to attend prize presentation ceremony or other publicity events (if any) at the location to be advised on a later date. Winners are fully responsible for all expenses incurred in attending the said prize giving ceremony.</p> | <p>6.8 Para pemenang mungkin akan dijemput untuk menghadiri majlis penyampaian hadiah atau majlis seumpamanya (jika ada) di lokasi dan tarikh yang akan ditetapkan kemudian. Para pemenang adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap segala perbelanjaan yang timbul bagi menghadiri majlis penyampaian hadiah tersebut.</p> |
| <p>6.9 In compliance with the Personal Data Protection Act (PDPA) 2010, the Bank shall protect the personal data of the customers. By participating in this Campaign, winners shall consent and agree that their names and photographs may be published in any media selected by the Bank as it deems fit for promotion or publicity purposes.</p> | <p>6.9 Sebagai mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA) 2010, pihak Bank akan melindungi data peribadi pelanggan-pelanggan. Dengan menyertai Kempen ini, para pemenang memberikan kebenaran dan bersetuju untuk menyiarkan atau memaparkan nama dan gambar mereka di mana-mana media mengikut budi bicara pihak Bank. Oleh yang demikian, pihak Bank berhak untuk menyiarkan atau memaparkan nama dan gambar para pemenang bagi tujuan promosi atau publisiti.</p> |
| <p>6.10 The Bank and its affiliates and their respective directors, officers, employees and agents shall not be liable for the following:</p> <p>(a) any misinterpretation on facts, and / or inflicted injuries and / or loss of lives and / or valuables resulting from the prize won through this Campaign; and</p> <p>(b) any loss and damage or for any personal injury</p> | <p>6.10 Pihak Bank dan sekutunya berserta pengarah-pengarah, pegawai-pegawai, pekerja-pekerja dan ejen-ejen yang terlibat tidak akan bertanggungjawab ke atas</p> <p>(a) Sebarang kesilapan dalam pentaksiran fakta, dan/atau sebarang kecederaan dan / atau kehilangan ke atas nyawa dan / atau kerugian harta benda berikutan hadiah yang dimenangi menerusi Kempen ini; dan</p> <p>(b) sebarang kerugian atau kerosakan atau apa-apa</p> |

TERMS AND CONDITIONS FOR SME CAMPAIGN 2022
(Not Protected by PIDM)
TERMA DAN SYARAT BAGI KEMPEN SME CAMPAIGN 2022
(Tidak Dilindungi oleh PIDM)

Effective 1st April 2022 / Berkuat kuasa 1 April 2022

and / or whatsoever suffered or sustained by the Eligible Customers / Prizes' Winners in connection with this Campaign or their participation in this Campaign or the receipt or use of any of the prizes or may be suffered in the course of the prize giving travel except for any liability which cannot be excluded by law.

kecederaan peribadi dan / atau apa-apa yang dialami oleh Pelanggan yang Layak, berhubung dengan penyertaan pelanggan dalam Kempen atau penerimaan atau semasa menggunakan hadiah atau apa-apa yang dialami semasa dalam perjalanan untuk menebus atau mengambil hadiah, kecuali apa-apa liabiliti yang tidak dikecualikan oleh undang-undang.

(c) any matters beyond the Bank's control with regard to this Campaign or anything related thereto.

(c) segala urusan di luar bidang dan kawalan pihak Bank dalam pentadbiran dan pemprosesan Kempen ini.

6.11 The Bank reserves the rights to amend, cancel, terminate, or suspend the Campaign by providing sufficient notice not less than fourteen (14) days prior to the date of amendment, cancellation, termination or suspension. The mode of notification could be in writing, via electronic means or display of notices at the Bank's branches and website. For the avoidance of doubt, cancellation, termination or suspension by the Bank of the Campaign shall not entitle the customers who participate in this Campaign to any claim or compensation against the Bank for any losses or damages whatsoever suffered or incurred as a direct and indirect result of the act of cancellation, termination or suspension.

6.11 Pihak Bank berhak untuk meminda, membatalkan, menamatkan atau menggantung Kempen ini dengan memberikan notis yang secukupnya dalam tempoh tidak kurang daripada empat belas (14) hari sebelum tarikh pindaan, pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut. Kaedah pemberitahuan boleh dilakukan secara bertulis, melalui media elektronik atau dipaparkan di cawangan-cawangan Bank mahupun di laman sesawang Bank. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan Kempen oleh pihak Bank, tidak membolehkan para pelanggan yang menyertai Kempen ini membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap pihak Bank bagi sebarang kerugian atau kerosakan atau apa jua yang ditanggung atau dialami oleh para pelanggan samada secara langsung dan tidak langsung akibat daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.

6.12 Eligible Customers / Winners are advised to access the Bank's website from time to time to view the Terms and Conditions and to ensure to be kept up to date on any change or variation to the Terms and Conditions thereof.

6.12 Pelanggan yang Layak / Pemenang adalah dinasihatkan untuk melayari laman sesawang Bank dari masa ke semasa untuk menyemak Terma-Terma dan Syarat-Syarat untuk mengambil maklum atas sebarang perubahan atau pindaan kepada Terma-terma dan Syarat-syarat ini.

6.13 The Terms and Conditions herein contained are in addition to and without prejudice to respective product Terms and Conditions and/or agreement. In the event of any inconsistency between these terms and conditions, this Terms and Conditions shall prevail with regards to this Campaign.

6.13 Terma-terma dan Syarat-syarat di dalam ini adalah tambahan dan tanpa prejudis kepada setiap Terma-terma dan Syarat-syarat produk-produk yang berkenaan. Sekiranya ada di antara terma-terma dan syarat-syarat tersebut yang tidak konsisten, Terma-terma dan Syarat-syarat ini akan diguna pakai berhubung Kempen ini.

6.14 The Terms and Conditions herein shall be governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia and the customers agree to submit to the jurisdiction of the Courts of Malaysia.

6.14 Semua Terma-terma dan Syarat-syarat di dalam ini adalah tertakluk dan akan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk terikat dengan bidang kuasa Mahkamah-Mahkamah Malaysia

6.15 For more information, please visit Bank Islam branches or call our Contact Centre & Customer Care at 03 26 900 900 or visit our website at <http://www.bankislam.com>.

6.15 Untuk maklumat lanjut, sila kunjungi cawangan Bank Islam atau hubungi Pusat Panggilan & Khidmat Pelanggan kami di 03 26 900 900 atau layari laman sesawang kami di <http://www.bankislam.com>.

TERMS AND CONDITIONS FOR SME CAMPAIGN 2022
(Not Protected by PIDM)
TERMA DAN SYARAT BAGI KEMPEN SME CAMPAIGN 2022
(Tidak Dilindungi oleh PIDM)

Effective 1st April 2022 / Berkuat kuasa 1 April 2022

WARNING:

THE RETURNS ON THIS INVESTMENT ACCOUNT WILL BE AFFECTED BY THE PERFORMANCE OF THE UNDERLYING ASSETS. THE PRINCIPAL AND RETURNS ARE NOT GUARANTEED AND THE INVESTMENT ACCOUNT HOLDER RISKS EARNING NO RETURNS AT ALL. IF THE INVESTMENT IS REDEEMED EARLY, THE INVESTMENT ACCOUNT HOLDER MAY SUFFER LOSSES IN PART OR THE ENTIRE PRINCIPAL SUM INVESTED. THIS INVESTMENT ACCOUNT IS NOT PROTECTED BY PIDM.

AMARAN:

PULANGAN AKAUN PELABURAN INI BERKEMUNGKINAN AKAN TERJEJAS OLEH PRESTASI ASET ASAS. JUMLAH PRINSIPAL DAN PULANGAN TIDAK DIJAMIN DAN PEMEGANG AKAUN PELABURAN MEMPUYAI RISIKO UNTUK TIDAK MEMPEROLEH SEBARANG PULANGAN. JIKA PELABURAN DITEBUS AWAL, PEMEGANG AKAUN PELABURAN MUNGKIN MENGALAMI KERUGIAN PADA SEBAHAGIAN ATAU KESELURUHAN JUMLAH PELABURAN. AKAUN PELABURAN INI TIDAK DILINDUNGI OLEH PIDM.